
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
WP. KUALA LUMPUR / PUTRAJAYA**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 003)

AHLI – AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN WP. KUALA LUMPUR/PUTRAJAYA
(Kemaskini pada 27 April 2022)

Pihak Pegawai (Pengurusan):

1. Sr Saiful Wazlan bin Wahab - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan W. P. Kuala Lumpur/Putrajaya
2. Sr Marena binti Osman - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I
3. Sr Jasmari bin Jamaludin - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II
4. Sr Chin Swee Ching - Ahli
Penolong Pengarah Ukur Seksyen Strata/Stratum/Marin WP Putrajaya
5. Sr Abd Malik bin Abd Latiff - Ahli
Penolong Pengarah Ukur Seksyen Strata/Stratum/Marin WP Kuala Lumpur
6. Nurul Syazwana binti Mohd Yani - Ahli
Penolong Pengarah Ukur Pangkalan Data Ukur Kadaster
7. Sr Mohd Nazam bin Sulaiman - Ahli
Penolong Pengarah Ukur Seksyen Pangkalan Data Pelbagai
8. Puan Nor Adillah binti Zulkefli - Ahli
Penolong Pegawai Tadbir, Seksyen Khidmat Pengurusan
9. Sr Norfaraedayu binti Azman - Setiausaha
Juruukur Daerah W. P. Kuala Lumpur/Putrajaya

Pihak Pekerja:

1. Mohd Firdhaus bin Nordin - Naib Pengerusi
Penolong Juruukur, Gred JA36
2. Encik Muhammad Masreza bin Shaari - Setiausaha Bersama
Penolong Juruukur, Gred JA29
3. Encik Haron bin Samsuddin - Ahli
Penolong Juruukur Kanan, Gred JA38
4. Rostam bin Zulkifli - Ahli
Penolong Juruukur, Gred JA36
5. Encik Rahmat Hanizam bin Hambali - Ahli
Penolong Juruukur, Gred JA29
6. Encik Shahril Izham bin Md. Shaari - Ahli
Penolong Juruukur, Gred JA29
7. Puan Siti Asiah binti Abdul Rahman - Ahli
Pembantu Tadbir (Kew) Gred W19
8. Encik Mohd Yusoff bin Noor@Mohamed Noor - Ahli
Pembantu Awam, Gred H19

9. Encik Mohd Zainuddin bin Muhammad - Ahli
Pembantu Awam, Gred H14
10. Encik Mashelmy Affendy bin Maskiran - Ahli
Pembantu Awam, Gred H11

11. En. Mohd Nasir Bin Abd Aziz - Ahli
Pemandu, Gred H11

12. Encik Shamsul bin Abdul Aziz
Pembantu Operasi, Gred N11

- Ahli

Dikemaskinikan oleh:

Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ

Jabatan Ukur dan Pemetaan WP. Kuala Lumpur/Putarajaya

Tarikh: 27 April 2022

**PERLEMBAGAAN
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN WP KUALA LUMPUR/PUTRAJAYA
NO. MBJ: 3648 003**

KEAHLIAN

1. Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungi sembilan (9) ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Setiausaha Bersama yang terdiri daripada tujuh (7) ahli yang dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan sepuluh (10) ahli yang dipilih oleh kesatuan sekerja dan persatuan kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja atau pekerja-pekerja sendiri (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

PIHAK PEGAWAI

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya seperti berikut:

a) Pengerusi

Pengarah Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya

b) Ahli-Ahli

Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Penolong Pengarah Ukur (Strata/Stratum/Marin WP Putrajaya)

Penolong Pengarah Ukur (Strata/Stratum/Marin WP Kuala Lumpur)

Penolong Pengarah Ukur (Pangkalan Data Ukur Kadaster)

Penolong Pengarah Ukur (Pangkalan Data Pelbagai)

Penolong Pegawai Tadbir

c) Setiausaha:

Juruukur Daerah WP Kuala Lumpur/Putrajaya

Ahli-ahli Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh masa bagi memegang jawatan dalam Majlis.

PIHAK PEKERJA

3. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja Jabatan Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya dan dilantik oleh kesatuan sekerja dan persatuan kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja atau pekerja-pekerja sendiri. Peraturan bagi memilih ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah dibuat mengikut permulaannya oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya.

4. Pemilihan wakil bagi ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan seperti di bawah:

a) Naib Pengerusi

Seorang (1) wakil yang dipilih oleh ahli-ahli Pihak Pekerja (berkesatuan atau tidak berkesatuan)

b) Ahli-Ahli

Seorang (2) wakil Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan

Empat (4) wakil pekerja bahagian teknikal (berkesatuan atau tidak berkesatuan) daripada Ibu Pejabat

Satu (1) wakil pekerja bahagian pentadbiran (berkesatuan atau tidak berkesatuan) daripada Ibu Pejabat

Dua (3) orang wakil pekerja (berkesatuan atau tidak berkesatuan) dari Pejabat Ukur Daerah WP Kuala Lumpur/Putrajaya

c) Setiausaha Bersama

Seorang (1) yang dipilih oleh ahli-ahli Pihak Pekerja (berkesatuan atau tidak berkesatuan)

5. Kekosongan yang berlaku dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon/calon-calon daripada kesatuan/persatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.
6. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehinggalah ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dipilih/dilantik.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

7. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Setiausaha Bersama.

TUJUAN

8. Tujuan Majlis adalah:
 - a) untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara Jabatan dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalamnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja;
 - b) untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
 - c) untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan.

BIDANG DAN FUNGSI

9. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:
 - a) membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai dasar kerajaan dan hal-hal peribadi;

- b) membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat di bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- c) menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan
- d) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi Jabatan serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari pekerja mengenai perkara ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

- 10. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali, iaitu empat (4) kali setahun.
- 11. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada empat (4) ahli Pihak Pegawai dan lima (5) ahli Pihak Pekerja.
- 12. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha/Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha setiausaha tersebut kepada pihak ahli-ahli tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda hanya boleh dimasukkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 13. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat tersebut.


KEPUTUSAN

14. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan bersama di antara kedua-dua belah pihak.
15. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar kerajaan atau jabatan lain, ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada jabatan yang berkenaan.

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN


16. Perlembagaan Majlis boleh dipinda dalam mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan tidak kurang daripada empat (4) ahli Pihak Pegawai dan lima (5) ahli Pihak Pekerja. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

Pengerusi




.....
(Sr Saiful Wazlan bin Wahab)

Naib Pengerusi




.....
(Mohd Firdhaus bin Nordin)

Setiausaha



.....
(Sr Norfaraedayu binti Azman)

Setiausaha Bersama



.....
(Muhammad Masreza bin Shaari)

Majlis Bersama

Jabatan Ukur dan Pemetaan WP Kuala Lumpur/Putrajaya

Tarikh: April 2022